

Umat Islam perlu bersatu – Muhyiddin
Utusan Online
12 Januari, 2013
Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

KUANTAN 11 Jan. - Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, umat Islam di negara ini perlu bersatu menghadapi cabaran bukan sahaja menyentuh soal akidah malah kedudukan mereka disebabkan isu yang ditimbulkan berkaitan dengan agama.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, cabaran dihadapi oleh umat Islam kini adalah amat besar.

"Biarpun pimpinan negara sentiasa mendukung perjuangan untuk memartabatkan agama Islam, tetapi kita sedar dalam masyarakat kita hari ini terdiri daripada pelbagai kumpulan.

"Kebimbangan saya, situasi ini meletakkan umat Islam dalam keadaan celaru, walaupun pegangan kita adalah Ahli Sunah Wal Jamaah, Imam Shafie jadi panduan.

"Tetapi dalam soal yang kita hadapi hari ini, kalau tidak ada penjelasan dibuat dan peranan ulama dalam masyarakat tidak digembleng untuk bantu menjelaskan situasi dan keadaan sebenar, mungkin ramai umat Islam akan terkeliru," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Jamuan Tengah Hari sempena lawatan kerja Timbalan Perdana Menteri ke negeri Pahang di Masjid Al-Makmur di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Muhyiddin berkata, setiap umat Islam perlu bersama menentukan maruah dan martabat mereka sentiasa terpelihara terutama dalam soal mendukung usaha ke arah memajukan ummah.

Menurut beliau lagi, umat Islam tidak mungkin berupaya menyempurnakan segala tuntutan agama jika mereka lemah dan tidak dapat menguasai kekuatan yang diperlukan.

"Atas sebab itu, hari ini pimpinan negara kita sentiasa memberikan perhatian utama untuk membantu supaya masyarakat khususnya umat Islam akan terus terbela dan perkara ini telah terbukti pelaksanaannya.

"Kadar kemiskinan berjaya kita kurangkan melalui sistem e-Kasih dan kalau kita bercakap di negara lain seperti negara Islam Sudan dan Somalia, mereka tidak ada sistem ini dan hampir sebahagian besar rakyat walaupun beragama Islam hidup dalam keadaan daif dan kemiskinan.

"Tetapi di Malaysia, kita telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada ramai pemimpin besar dunia dalam soal membangunkan ummah," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130112/dn_05/Umat-Islam-perlu-bersatu---Muhyiddin